



SEORANG penduduk dan anaknya mengharung banjir di Kampung Ayer Hitam, Teluk Intan, Perak, semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN



SEBAHAGIAN mangsa banjir dipindahkan di Sekolah Kebangsaan Sungai Kerawai, Teluk Intan, Perak, semalam.

Jumlah penduduk dipindah meningkat lebih 600 orang

Banjir: Hilir Perak teruk terjejas

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**
utusanperak@utusan.com.my

TELUK INTAN 13 Mac - Keadaan banjir terutamanya di sekitar Hilir Perak dilaporkan semakin buruk apabila beberapa lagi kampung dinaiki air manakala jumlah penduduk yang dipindahkan turut meningkat kepada lebih 600 orang semalam.

Antara kawasan yang paling teruk terjejas adalah Kampung Ayer Hitam, Kampung Tukang Sidin, Sungai Kerawai, Kampung Batu 8 Changkat Jong, Kampung Selat Manggis, Batak Rabbit, Kampung Ja-

wa, Kampung SC dan Kampung Tengah.

Setakat pukul 11 malam tadi, sejumlah 336 penduduk di Kampung Ayer Hitam dipindahkan di pusat pemindahan sementara, diikuti Changkat Jong (125), Kampung Tukang Sidin (120) dan Kampung Sungai Kerawai (107).

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Semua agensi terlibat termasuk Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), pasukan bomba dan polis serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga ekoran keadaan cuaca yang masih tidak menentu.

Jurucakap JKM yang dihubungi *Utusan Malaysia* memberitahu, walaupun cuaca agak baik hari ini, pemantauan masih diteruskan memandangkan masih terdapat kampung yang ditenggelami air pada paras antara satu hingga tiga meter.

"Berdasarkan maklumat yang diterima daripada pusat-pusat penempatan sementara, sejumlah penduduk di Kampung Ayer Hitam, Changkat Jong dan Kampung Tukang Sidin sudah dibenarkan pulang ekoran keadaan air yang mula

surut.

"Bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan masih dinaiki air terutamanya di Kampung Selat Manggis dan Kampung Sungai Kerawai apabila semua 107 mangsa masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Kerawai," katanya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pusat penempatan banjir SK Sungai Kerawai mendapati, anggota Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Teluk Intan turut membantu kakitangan agensi terlibat mengagihkan bantuan berupa makanan dan selimut kepada mangsa banjir.

Sementara itu, Pegawai JPAM

Daerah Hilir Perak, Mohd. Fazly Mohamad Zawawi menasihatkan orang ramai terutamanya yang tinggal berhampiran sungai supaya mengambil langkah keselamatan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Menurutnya, hujan lebat diramalkan berlaku pada sebelah petang dan malam sekali gus meningkatkan risiko paras air di kampung terlibat kembali naik.

"Penduduk di kawasan terlibat juga diminta segera menghubungi jabatan atau agensi berkenaan sekiranya paras air di kawasan mereka meningkat secara mendadak," tambahnya.